



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



LAPORAN PROJEK AKHIR
INTELLIGENT STREET LIGHT

OLEH

NUR NABILAH BINTI MOHD AZNAN

08DPB20F2010

PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
SHAH ALAM, SELANGOR

SESI 2 2022/2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



LAPORAN PROJEK AKHIR

SESI II 2022/2023

AHLI KUMPULAN :

- | | |
|--|---------------------|
| 1. NUR NABILAH BINTI MOHD AZNAN | 08DPB20F2010 |
| 2. NORATHERA BINTI MOHAMED ZAKI | 08DPB20F2029 |
| 3. NURFARAH ALIAH BINTI NAWAWI | 08DPB20F2006 |

PENYELIA:

ENCIK MIOR AMRAN NOOR BIN MIOR AHMAD NOOR
DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”



Tandatangan :

Nama Penulis : Nur Nabilah Binti Mohd Aznan

No Matriks : 08DPB20F2010

Tarikh : 15 JUN 2023

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan ini dan pada pandangan saya laporan ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan”



Tandatangan :

Nama : Encik Mior Amran Noor Bin Mior Ahmad

Tarikh : 15 Jun 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianNya telah memberi kekuatan kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Sarah Afzan Binti Abd Karim selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang kami menyempurnakan tugas dan laporan ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada beliau atas segala dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan laporan ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan telah banyak membantu kepada kejayaan laporan ini. Kami amat menghargai keprihatinan beliau yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan laporan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberi kepada semua pensyarah Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan yang sentiasa memberi bantuan dan kerjasama sepanjang tempoh pengajian kami di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Ucapan terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang menjadi pembakar semangat dan tidak jemu memberi pendapat dan kritikan sepanjang projek ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pengusaha Kilang Master Wan Batik serta Jabatan Alam Sekitar dalam memberikan kerjasama dan melancarkan perjalanan projek kami di dalam urusan

penulisan kajian kami. Dorongan dan sokongan dari semua pihak menjadi tulang belakang kepada kami untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Semoga projek yang dibangunkan ini dapat memberi manfaat kepada orang awam.

Sekali lagi kami memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Intelligent Street Light adalah lampu jalan raya yang dihidupkan dengan menggunakan sistem solar dimana cahaya matahari adalah sebagai tenaga , panel solar mengecas bateri pada siang hari dan bateri menjana sumber cahaya pada waktu malam.Lampu Jalan merupakan keperluan utama dalam kehidupan pengangkutan hari ini untuk memastikan keselamatan di jalan raya sentiasa terjamin.Ketiadaan lampu jalan di sepanjang jalan telah menyebabkan keadaan sekeliling menjadi gelap dan membataskan penglihatan para pemandu bagi pengangkutan lori,kereta dan motorsikal terhadap objek di hadapan mereka . Kondisi sebegini bukan sahaja mengganggu tumpuan pemandu malah secara tidak langsung menyebabkan pemandu tidak sedar akan posisi sebenar kenderaan. Maka, keadaan jalan raya harus diubah supaya menjadi lebih selamat buat pengguna jalan raya. Projek ini diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah ketiadaan lampu jalanraya di persimpangan laluan kenderaan dan kurang pencahayaan lampu Jalan raya menyukarkan pergerakan pengguna jalan di kawasan itu. Objektif utama projek adalah untuk merekabentuk lampu Jalan raya menggunakan sistem solar. Seterusnya, menguji keberkesanan lampu intelligent street light yang menggunakan sistem solar terhadap jenis kenderaan seperti lori,kereta dan motosikal. Skop projek pembelajaran kami dapat menganalisis fungsi penggunaan lampu jalan raya automatik di persimpangan perkampungan Desa Bakti ,Masai,Johor.Metodologi kajian yang pertama kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik yang kedua, kaedah kualitatif iaitu melalui tinjauan dan temubual.Dapatan kajian yang dianalisa melalui borang soal selidik selepas berjaya dikumpulkan iaitu sebanyak 24 responden dalam tempoh masa dua minggu.Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa faktor boleh ditambahbaik dalam projek yang dijalankan dengan membuka mata pengguna jalanraya bahawa penggunaan solar dalam lampu jalan dapat memberi impak positif.

ABSTRACT

Smart Street Lights are street lights that are powered by using a solar system where sunlight is used as energy, the solar panel charges the battery during the day and the battery produces a light source at night. Street lights are a major necessity in today's transportation life to ensure safety on the road. The absence of street lights along the road causes the surrounding conditions to be dark and limits the visibility of drivers to transport trucks, cars and motorcycles to the objects in front of them. Such a situation not only disturbs the driver's concentration but also indirectly causes the driver to not know the true position of the vehicle. Therefore, the condition of the road needs to be changed to make it safer for road users. This project was introduced to solve the problem of lack of street lights at intersections and the lack of street lights makes it difficult for road users to move in the area. The main objective of this project is to design a street light using a solar system. Next, test the effectiveness of smart street lights that use solar systems on vehicles such as trucks, cars and motorcycles. The scope of our learning project is to analyze the function of the use of automatic street lights at the village intersection of Desa Bakti, Masai, Johor. The research methodology is the first quantitative method which is by distributing questionnaires, the second is qualitative method which is through surveys and interviews. The findings of the study were analyzed through a questionnaire after successfully collecting 24 respondents within a period of two weeks. Nevertheless, there are still some factors that can be improved in the project carried out by opening the eyes of road users that the use of solar in street lights can have a positive impact.

**SENARAI KANDUNGAN LAPORAN AKHIR PROJEK DIPLOMA
PERKHIDMATAN BANGUNAN**

BAB	KANDUNGAN	HALAMAN
	PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	I - II
	PENGHARGAAN	III
	ABSTRAK	IV – V
	SENARAI JADUAL	
	SENARAI GRAF	
	SENARAI CARTA	
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	3
	1.5 Skop Kajian	4
	1.6 Persoalan Kajian	4 - 5
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Rumusan Bab	6
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	7 - 12
	2.2 Konsep / Teori	13 - 19
	2.3 Kajian Terdahulu	20 - 22
	2.4 Rumusan bab	23

BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	24
3.2	Jadual Pelaksanaan Projek	25
3.3	Carta Gantt Aktiviti Projek	26
3.4	Reka Bentuk Projek	27
3.5	Pemilihan Barang	28 - 32
3.6	Langkah-Langkah Pembuatan	33
3.7	Rumusan Bab	34
BAB 4	HASIL DAPATAN	
4.1	Pengenalan	35
4.2	Data Deskripsi	36 - 39
4.3	Data Empirika	40
4.4	Kesimpulan	41
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	42
5.2	Perbincangan	43
5.3	Cadangan	43
5.4	Kesimpulan	44
5.5	Rumusan Bab	44
	A. RUJUKAN	45
	B. LAMPIRAN	46 - 49

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
Jadual 2	Jadual respon daripada pengusaha batik
Jadual 3	Jadual respon daripada pengusaha batik
Jadual 4	Ujikaji nilai pH
Jadual 5	Ujikaji nilai kekeruhan

SENARAI GRAF

Graf 1	Tren Kualiti Air Sungai Berdasarkan Sub-Indeks BOD (2005-2015)
--------	--

SENARAI CARTA

Carta 1	Impak terhadap alam sekitar
Carta 2	Carta susunan bahan penapis

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Effluens yang terhasil
Rajah 2	Effluens yang terhasil (lilin)
Rajah 3	Alat menguji nilai pH
Rajah 4	Alat menguji nilai kekeruhan
Rajah 5	Alat penapis air
Rajah 6	Ijuk kabung
Rajah 7	Batu kerikil
Rajah 8	Pasir
Rajah 9	Arang kayu
Rajah 10	Sabut kelapa
Rajah 11	Rekabentuk 1
Rajah 12	Rekabentuk 2
Rajah 13	Rekabentuk 3
Rajah 14	Rekabentuk 4
Rajah 15	Rekabentuk akhir penapis
Rajah 16	Lakaran PENAPIS SE
Rajah 17	Paip Pvc Saiz 5.08 cm (2 inci)
Rajah 18	Soket Sama Pvc Saiz 5.08 cm (2 inci)
Rajah 19	Injap Pvc Jenis Bebola Saiz 3.81 cm (1.5 inci)
Rajah 20	Jaring
Rajah 21	Gam Paip Pvc
Rajah 22	Alat penapis

SENARAI SINGKATAN

SE	-	SALIRAN EFFLUENS
CP	-	<i>comprehensive and integrated</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Lampu jalan merupakan tenaga cahaya yang berada di bahagian bahu jalan kawasan jalan raya, ianya akan menyala pada waktu tertentu iaitu pada waktu sangat mendung dan waktu malam. Lampu jalan yang moden, akan dihidupkan sama ada dengan menggunakan peka suis cahaya ataupun suis pemasa supaya ia boleh dinyalakan pada waktu senja ataupun semasa cuaca gelap contohnya pada waktu hujan serta dimatikan pada waktu subuh. Lampu jalan ini boleh dipasang sama ada di tiang lampu khas ataupun pada tiang elektrik. Lampu jalan raya amat penting bagi pengguna jalan raya agar mereka dapat melihat dengan jelas apabila memandu ataupun menunggang motosikal pada waktu malam. Hal ini juga dapat meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Oleh yang demikian, lampu yang sedia ada bukan tidak bagus digunakan untuk pengguna jalan malah ia akan menyebabkan pembaziran yang berpanjangan di negara kita hari ini. Oleh itu, kumpulan kami bercadang untuk mereka bentuk satu lampu jalan raya yang baru iaitu lampu jalan raya jenis automatic. Lampu jalan automatic ini mampu untuk mengelakkan pembaziran berlaku. Lampu jalan raya automatic ini juga akan berfungsi jika ada kenderaan yang lalu di kawasan tersebut dan ia akan menjadi malap jika tiada kenderaan yang lalu di kawasan itu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Intelligent street light ialah lampu jalan yang dihidupkan secara automatic dengan menentukan masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, jika ada pergerakan di kawasan tersebut lampu itu akan menyala secara automatic dan ianya akan menjadi malap jika tiada kenderaan yang lalu di kawasan tersebut. Lampu ini direka khas untuk kawasan yang tidak mempunyai cahaya di waktu malam seperti di kawasan perkuburan. Lampu ini juga tidak menggunakan tenaga elektrik dan tiada sambungan wayar antara tiang ke tiang lampu yang ada. Ianya hanya

menggunakan tenaga solar. Tenaga solar tersebut akan dipenuhi di waktu siang oleh kerana mendapat cahaya matahari yang sangat banyak dan di malam hari tenaga tersebut disalurkan ke lampu untuk menghasilkan cahaya.

Lampu jalan adalah keperluan yang sangat penting dalam kehidupan pengguna jalan raya hari ini. Lampu jalan juga bertujuan untuk keselamatan pengguna jalan raya dan dapat mengurangkan daripada berlakunya kemalangan pada waktu malam. Oleh itu, dalam kehidupan yang sibuk ini, tiada siapa yang peduli untuk menghidupkan ataupun mematikan lampu jalan mengikut keperluan. Projek yang akan dilaksanakan ini dapat memberi tumpuan kepada penjimatan elektrik dengan mengesan pergerakan kenderaan di jalan raya dan secara automatic menghidupkan atau mematikan lampu jalan. Hal ini juga, dapat memudahkan pengguna jalan raya untuk memastikan keadaan di sekeliling selamat untuk memandu. Oleh itu, lampu jalan ini memberi impak yang positif terutama kepada pengguna lalu lintas pada hari ini. Dengan reka bentuk intelligent street light telah mendapat persetujuan dari orang ramai untuk mengketengahkan projek ini. Hal ini juga, memberi keyakinan yang tinggi oleh pengguna jalan raya oleh kerana mampu mengurangkan kemalangan jalan raya dan mengurangkan kadar jenayah di waktu malam. Oleh sebab itu, projek intelligent street light ini akan diteruskan.

1.3 Pernyataan Masalah

- I. Ketiadaan lampu jalan raya di persimpangan laluan keluar masuk kenderaan.
- II. Kurang pencahayaan lampu jalan raya menyukarkan pergerakan pengguna jalan di kawasan itu.

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia. Namun disebalik itu, kita acapkali tersentak oleh pelbagai permasalahan yang dicituskan oleh keadaan persekitaran. Oleh hal yang demikian, masalah yang sering meniti dari bibir ke bibir segelintir masyarakat yang kebiasaannya berlaku di jalan raya bukan sahaja berpunca daripada sikap dan kecuaiannya pemandu malah keadaan persekitaran juga mampu menyumbang kepada berlakunya permasalahan tersebut. Antara masalah yang berlaku di kalangan pengguna jalan raya yang pertama adalah berpunca daripada ketiadaan lampu jalan raya contohnya di persimpangan masuk jalan utama kawasan tersebut. Sebagai bukti, artikel daripada utusan Malaysia mendapati bahawa di kawasan Batu Pahat, Jalan Persekutuan Johor Bahru ke Melaka berdekatan Kem Majidee di Jalan Tanjung Laboh, merupakan laluan utama yang sering dilalui pengguna terutamanya dari arah Rengit untuk ke bandar. Pada setiap kali melalui jalan tersebut pada waktu malam,

pengguna umpama melintasi satu kawasan yang sunyi, meskipun terdapat kawasan perumahan di situ disebabkan keadaan jalan yang gelap ekoran lampu jalan raya tidak berfungsi. Hal ini mengundang kebimbangan orang ramai ketika melalui jalan raya di kawasan tersebut. Seterusnya, masalah yang berlaku dikalangan pengguna jalan raya adalah disebabkan oleh kurangnya pencahayaan lampu jalan raya menyukarkan pergerakan pengguna jalan raya melalui kawasan tersebut. Hal ini demikian kerana, kurangnya faktor pencahayaan di kawasan strategik seperti persimpangan jalan raya dan kawasan tersebut juga menjadi tumpuan pejalan kaki di mana perlu melalui kawasan tersebut dahulu untuk sampai ke suatu destinasi. Memandangkan keadaan yang sedemikian, banyak kajian mengenainya menunjukkan bahawa faktor pencahayaan memainkan peranan yang signifikan di dalam meningkatkan tahap keselamatan di kalangan pengguna jalan raya. Oleh hal yang demikian, dalam keadaan faktor pencahayaan yang rendah atau tiada, pengguna jalan raya seperti penunggang motosikal dan juga pejalan kaki adalah kategori pengguna jalan raya yang berisiko tinggi untuk terlibat di dalam situasi yang tidak diingini hanya kerana kurang pencahayaan di jalan raya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian pada peringkat awalan kajian adalah untuk:

- I. Merekabentuk lampu jalan raya menggunakan sistem solar.
- II. Menguji keberkesanan intelligent street light yang menggunakan sistem solar terhadap jenis kenderaan kereta, motosikal dan lori.

Setelah melakukan beberapa kajian yang lebih lanjut, objektif kajian adalah merekabentuk lampu jalan raya dengan penggunaan sistem solar untuk memudahkan pergerakan pengguna jalan raya setiap kali melalui kawasan tersebut terutama apabila pada waktu malam, gelap dan cuaca yang tidak menentu. Hal ini demikian kerana, apabila tibanya cuaca hujan atau pada waktu yang gelap bimbang akan keselamatan pengguna jalan raya disebabkan oleh ketiadaan lampu. Sebagai contoh, lampu jalan raya yang direka dengan menggunakan sistem solar akan berfungsi secara automatik pada waktu malam manakala lampu itu akan menyerap tenaga matahari pada waktu siang. Lampu solar ini adalah lampu yang menggunakan cahaya matahari sebagai tenaga. Penyerapan ini akan berlaku melalui panel solar yang telah dipasang siap sedia pada tiang lampu jalan tersebut.

Di samping itu, objektif kajian seterusnya yang akan dilakukan ialah menguji keberkesanan kadar lampu pencahayaan lampu jalan yang sedia ada dengan lampu jalan yang akan direka bentuk menggunakan sistem solar.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada golongan pengguna jalan raya yang melalui kawasan yang gelap atau faktor cuaca yang tidak menentu disebabkan oleh ketiadaan lampu. Hal ini menyebabkan kebimbangan terhadap penduduk serta pengguna jalan di kawasan tersebut. Oleh itu, dengan adanya kajian lampu “Intelligent Street Light” ini dapat membantu serta meningkatkan tahap keselamatan setiap pengguna jalan raya tersebut sama ada kepada pengguna kenderaan empat roda, motorsikal, lori atau pengguna jalan kaki. Selain daripada itu, skop kajian iaitu dengan rekaan bentuk lampu jalan raya yang menggunakan sistem solar dapat juga menjimatkan tenaga elektrik. Hal ini demikian kerana, penggunaan sistem solar adalah hasil daripada sumber matahari.



Lokasi: Persimpangan masuk Kg Desa Bakti , Jalan Bunga Ros,81750 Masai , Johor.

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kepentingan yang diperoleh daripada kajian ini, sebagai contoh pengguna jalan raya dapat memandu dengan selamat. Hal ini demikian kerana, dengan adanya lampu jalan raya yang menggunakan sistem solar bagi menerangi kawasan laluan jalan tersebut. Seterusnya, projek kajian ini juga dapat meningkatkan tahap pencahayaan yang mencukupi kepada pengguna jalan raya apabila melalui kawasan yang gelap atau pada waktu malam akibat daripada ketiadaan lampu di kawasan tersebut. Selain daripada itu, projek “Intelligent Street Light” ini juga dapat meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya sebagai contoh penunggang kenderaan, motorsikal atau pejalan kaki yang melalui kawasan itu pada waktu gelap atau malam daripada perkara yang tidak diingini berlaku.

1.7 Takrifan Istilah

Intelligent = Mempunyai atau menunjukkan kecerdasan, terutamanya pada yang tinggi.

Street Light = Lampu yang biasanya dipasang pada tiang dan membentuk satu siri yang dijarakkan pada selang waktu di sepanjang jalan awam atau lebuh raya.

Jalan Utama = Jalan penting yang menuju dari satu bandar atau bandar ke bandar yang lain.

LED = Diod Pemancar Cahaya; diod semi konduktor yang mengeluarkan cahaya apabila mengalirkan arus yang digunakan dalam paparan elektronik, pencahayaan dalaman dan luaran.

Suria = Diukur dengan laluan bumi berhubung dengan matahari setahu suria juga berkaitan atau dikira oleh masa suria.

1.8 Rumusan

Pada masa kini, isu ketiadaan lampu jalan raya sering dibangkitkan oleh pengguna jalan raya kerana menyukarkan mereka untuk melalui kawasan – kawasan yang sangat gelap pada waktu malam. Ketiadaan lampu jalan raya juga boleh membahayakan pemandu yang mempunyai penyakit rabun malam. Selain itu, cuaca yang tidak menentu pada hujung tahun juga boleh membahayakan pengguna jalan raya. Hal ini, telah dibincangkan untuk mengatasi masalah ketiadaan lampu jalan raya dengan adanya produk yang akan direka mampu mengatasi masalah tersebut. Masalah ini juga, akan segera diselesaikan dengan memasang lampu jalan raya di kawasan tersebut dengan segera. Lampu ‘Intelligent Street Light’ khas yang direka yang

menggunakan tenaga solar. Ianya dicas pada waktu siang dan menghasilkan cahaya pada waktu malam.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Setelah selesai bab 1 iaitu menengenal pasti pernyataan masalah, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian , kajian literatur akan dijalankan untuk memastikan langkah seterusnya dapat dilaksanakan. Kajian literatur ialah untuk kajian yang akan dijalankan berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang tentang isu yang hendak dikaji.

Bab ini akan membincangkan tentang definisi tahap lampu jalan raya yang digunakan untuk pengguna jalan raya tersebut. Selain daripada itu, di dalam bab ini juga akan membincangkan jenis – jenis pencahayaan ia juga merupakan objektif yang kedua yang perlu dicapai. Kajian ini akan dilakukan di kawasan kampung Desa Bakti, Johor.

2.2 Definisi

Lampu jalan raya mempunyai fungsi utama iaitu keselamatan dan fungsi ekonomi. Dari segi keselamatan ialah pengguna jalan raya berkait dengan pencahayaan di permukaan jalan. Keperluan kuasa pencahayaan pada segmen jalan sangat berbeza bergantung kepada permukaan jalan yang digunakan dan faktor pantulan lampu diatas permukaan jalan.

Pencahayaan lampu jalan adalah sistem yang menghasilkan cahaya yang boleh dilihat dari arus elektrik atau dari tenaga suria . Ia merupakan bentuk pencahayaan yang paling biasa dan penting untuk pengguna jalan.

Menurut katiman rostam (2002) pengangkutan dapat diertikan sebagai suatu cara memindahkan barang atau penumpang. Pengangkutan boleh dikaitkan dengan nilai wang dari segi membawa makanan kepada pelanggan. Zaman sekarang ramai pengguna yang sering

menggunakan web 'FOOD PANDA, GRAB FOOD, LALAMOVE' dan sebagainya untuk memesan makanan jadi dengan cara itu. Ramai lagi penunggang yang boleh menjadi rider kepada food panda untuk hantar pesanan kepada yang pelanggan yang memesannya.

2.3 KEBERKESANAN KADAR PENCAHAYAAN LAMPU JALAN RAYA YANG MENGGUNAKAN SISTEM SOLAR TERHADAP JENIS KENDERAAN MOTOSIKAL.



Rajah 2 Jenis Kenderaan Motosikal

Sumber pencahayaan yang baik terutamanya semasa pemanduan di waktu malam atau semasa cuaca buruk memainkan peranan yang penting. Oleh sebab itu, amat penting untuk memastikan faktor persekitaran jalan raya memainkan peranan dalam memberi pencahayaan yang baik terhadap kenderaan seperti kereta untuk memandu dengan lebih selamat. Lampu jalan raya yang berada dalam keadaan baik bukan sahaja boleh meningkatkan darjah kebolehlihatan, malah turut mengurangkan risiko kemalangan jalan raya. Menurut Kajian Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebanyak 4,636 jumlah kematian dilaporkan pada tahun 2020 akibat kemalangan jalan raya.

Memang tidak dinafikan, pemasangan lampu jalan sangat penting agar pengguna jalan raya dapat melihat dengan lebih jelas terutamanya di kawasan yang kerap digunakan oleh kenderaan seperti kereta di kawasan persimpangan jalan, di selekoh dan kawasan perumahan. Namun, ia tidaklah bermakna setiap inci jalan perlu diterangi lampu jalan, kerana lampu jalan tidak mengambil alih peranan lampu kepala kenderaan secara mutlak sebagai sumber pencahayaan utama pengguna jalan raya, tetapi lebih kepada penambahbaikan sistem pencahayaan.

Jenis kenderaan ialah motosikal. Motosikal ialah sejenis kenderaan yang beroda dua dan

membuat mempunyai enjin serta boleh dilesenkan untuk digunakan di atas jalan raya. Sebuah motosikal berupaya membawa seorang penunggang serta seorang pembonceng. Motosikal lazimnya digerakkan oleh enjin petrol kecil sama ada 2 lejang atau 4 lejang dengan kapasiti enjin antara 50cc sehingga sebesar 200 cc. Kebanyakan motosikal mempunyai tangki minyak yang berbentuk air mata di bahagian atas hadapan motosikal antara bar pemegang dan tempat duduk penunggang.

Motosikal bergerak berasaskan hukum giroskopik sebagaimana basikal. Melalui hukum ini, motosikal hanya akan tegak apabila bergerak. Ketika di selekoh, daya emparan yang terhasil akan menjejaskan kestabilan motosikal. Oleh itu, penunggang perlu menunggang condong sedikit mengikut arah selekoh bagi mengimbangi daya emparan tersebut.

2.4 Faktor – Faktor Untuk Pencahayaan Lampu Jalan Raya.

Banyak lampu jalan yang sekarang ini menggunakan solar untuk menyelesaikan pencahayaan luar yang menggunakan cahaya matahari sebagai tenaga. Banyak artikel - aritikel yang keluar mengatakan bahawa banyak laluan yang telah menggunakan jalan jalan led. Salah satu artikel yang terdapat ialah dari berita harian. Lampu LED ialah sistem pencahayaan yang terdiri daripada sel suria , pengawal , dan sumber dari matahari.

1. Sumber Pencahayaan

Sumber lampu jalan yang mempunyai beza adalah hayat perkhidmatan sahaja. Pada masa kini banyak lampu jalan yang menggunakan lampu natrium dan lampu LED . Lampu natrium adalah murah dan mempunyai jangka hayat yang pendek. Manakala pula lampu jalan LED adalah sumber cahaya yang kecil , kecepan bercahaya adalah sangat tinggi dan mempunyai jangka hayat yang sangat panjang. Lampu LED adalah sumber cahaya yang penting untuk lampu jalan yang dipimpin solar.

2. LED

LED adalah komponen semikonduktor, ia menghasilkan haba yang besar dan kawalan pelepasan haba yang lemah secara langsung menjejaskan kecekapan lampu LED. Oleh itu, pelepasan sumber cahaya LED juga merupakan faktor yang menentukan kualiti lampu jalan yang diketuai

oleh solar. Ia boleh menyebabkan memendekkan jangka hayat perkhidmatan.

3. Pengawal Suria

Mengawal, memantau dan melindungi panel solar ia juga akan melindungi lampu jalan yang menggunakan solar supaya ia boleh berfungsi dengan stabil.

4. Panel Suria

Panel solar adalah untuk menyerap tenaga cahaya matahari dan menukarkannya kepada tenaga elektrik. Apabila ia telah dicas oleh matahari pada waktu pagi jadi pada waktu ia akan bekerjasama dengan mentol dipasang akan mengeluarkan cahaya dengan sendirinya.

2.4.1 Kebaikan Pencahayaan Lampu Jalan Raya.

Pencahayaan lampu LED adalah pilihan terbaik setakat ini untuk dijadikan satu projek di bahagian jalan. Lampu LED juga mampu menggantikan lampu yang sedia ada sekarang. Lampu LED dapat menjimatkan tenaga. Menurut penyelidik :

Lampu LED mempunyai beberapa kelebihan iaitu :

- i. Dapat menjimat kos
- ii. Jangka hayat yang panjang. Jangka hayat lampu jalan LED yang diproses biasanya bertahan 10 hingga ke 15 tahun.
- iii. Paparan warna yang lebih tepat.

2.4.2 Kelemahan Pencahayaan Lampu Jalan Raya.

Lampu led juga mesti ada kelemahannya sendiri ini adalah salah satu kelemahan yang ada di dalam lampu led. Tetapi bukan bermakna dengan kelemahan ini projek ini tidak jalankan ia masih lagi boleh dijalankan dengan memantau beberapa bulan untuk melihat proses lampu LED

ini berfungsi dengan baik.

- i. Cahaya lampu LED adalah berwarna putih ia akan menjejaskan kesan pencahayaan.
- ii. Jangka hayat lampu LED adalah rendah pada asasnya untuk lampu LED yang berkuasa tinggi. Tetapi untuk lampu LED yang berkuasa rendah jangka hayatnya adalah singkat.

2.5 Perbezaan Pencahayaan Lampu Led Dengan Lampu Biasa.

Perbezaan cahaya lampu yang digunakan oleh pihak TNB ialah lampu natrium yang bertekanan rendah. Lampu natrium yang bercahaya tekanan rendah akan disalutkan dengan dengan filamen dengan filem pemantul inframerah dalam kaca. Lampu natrium kecekapan cahaya pada dasarnya tidak terkawal. Lampu natrium juga digunakan dalam pelbagai keadaan kuasa, terutamanya sesuai digunakan di kawasan di dalam terowong. Lampu natrium boleh menjimatkan lebih daripada 50% elektrik. Jangka hayat lampu natrium bertekanan tinggi dapat mencapai 15.000 jam, tetapi disebabkan oleh turun naik voltan grid dan persekitaran operasi, hayat perkhidmatan jauh dari kehidupan teori, dan kadar kerosakan lampu per tahun melebihi 60%.

Lampu natrium tekanan rendah ialah tiub nyahcas wap natrium tekanan rendah. Tiub dalam ditiup dengan kaca anti-natrium khas. Selepas dinyalakan, ia boleh memancarkan spektrum natrium 5890A dan 5896A. Ia boleh digunakan sebagai polarimeter, refraktometer, polarimeter dan instrumen optik lain. Sumber cahaya monokromatik.

